



DONOR REPORT

RAMADAN MISSION 2025

M I S I B A N T U A N R A M A D A N

KEADAAN SITUASI DI SYRIA



Pada tahun 2025, krisis Syria berlanjutan masuk tahun ke-14 dengan 16.5 juta rakyat memerlukan bantuan dan 7.2 juta daripadanya pelarian dalaman. Lebih 90% rakyat hidup dalam kemiskinan dan lebih separuh berdepan krisis makanan. Konflik masih berterusan walaupun rejim Assad tumbang pada 2024. PBB hanya menerima 33.1% dana bantuan tetapi USD 4.07 bilion yang diperlukan, menyebabkan bantuan penting seperti makanan dikurangkan sehingga 80%.



Pembentukan Kerajaan Baharu

Ahmed al-Sharaa dilantik sebagai Presiden Syria (29 Jan 2025), menandakan peralihan daripada rejim Bashar al-Assad. Kerajaan sementara Syria dibentuk pada 29 Mac 2025 untuk memulakan proses pemulihian pasca-konflik.

Negara-negara seperti Sepanyol, Jerman, dan Korea Selatan membuka semula atau memulakan hubungan diplomatik dengan Syria. Sidang Dialog Nasional diadakan pada Februari 2025 bagi merangka hala tuju politik baharu.

Keganasan, Konflik Dalaman & Sektarian

Serangan besar berlaku pada Mac, dengan lebih 1,300 maut dalam konflik antara penyokong Assad dan kerajaan sementara.

Pembunuhan beramai-ramai terhadap komuniti minoriti, termasuk Druze dan Kristian, berlaku di kawasan barat Syria.

Pertempuran sektarian di Jaramana (29 April) akibat rakaman provokatif, mengorbankan sekurang-kurangnya 14 orang.

Tindakan Cinta Syria Malaysia

Bersama dengan Gabungan Bina Semula Syria (GBSS) telah menyatakan sokongan kepada Kerajaan Baharu Syria. Ini adalah sebagai langkah awal bagi menggesa Kerajaan Malaysia turut menyatakan sokongan kepada Kerajaan Syria yang baharu.

Selain itu, bantuan kemanusiaan dan usaha advokasi tentang isu di Syria diperbanyakkan di media sosial dan sebagainya untuk kesedaran masyarakat awam.

PENGENALAN

CINTA SYRIA MALAYSIA

Cinta Syria Malaysia (CSM) ialah sebuah pertubuhan kemanusiaan berdaftar yang ditubuhkan pada tahun 2014. Berfokus kepada bantuan kemanusiaan untuk pelarian Syria dan komuniti yang memerlukan di seluruh dunia. CSM menjalankan tiga pelan intervensi program iaitu pendidikan, kebajikan, dan bantuan kecemasan.

VISI

- Cinta Syria Malaysia ingin menjadi penunjang dalam menangani isu kemanusiaan menjelang tahun 2027.

MISI


- Komited dalam menyediakan hak pendidikan anak-anak.
- Menyokong dalam mana-mana objek lain yang berguna untuk komuniti Syria.
- Mengelakkan bantuan yang diberikan sepanjang tahun.



TENTANG RAMADAN MISSION

Dikala umat Islam yang lain, meraikan kehadiran Ramadan dengan penuh kesyukuran, rakyat Syria dan Palestin yang diuji dengan pelbagai dugaan terpaksa menempuh bulan Ramadan dengan serba kekurangan.

Cinta Syria Malaysia melalui Ramadan Mission 12.0 tampil membantu dengan menyalurkan keperluan asas seperti makanan, kit ibadah dan bahan masakan demi membawa harapan kepada mereka yang terkesan.



AGIHAN BANTUAN MISI RAMADAN




34,282

Penerima manfaat keseluruhan untuk bantuan Misi Ramadan.



RM 712,517.95

Dana diagihkan bagi bantuan Misi Ramadan bagi tahun 2025.



SETIFTAR & SAHUR

Jumlah Agihan
RM70,068.78


Penerima Manfaat
8,685



KOTAK MAKANAN

Jumlah Agihan
RM188,432.43

Penerima Manfaat
5,785



BAHAN BASAH

Jumlah Agihan
RM27,872.81

Penerima Manfaat
2,000



IFTAR KELUARGA

Jumlah Agihan
RM15,362.65

Penerima Manfaat
560



PEK ROTI

Jumlah Agihan
RM16,302.44

Penerima Manfaat
10,450



KIT IBADAH

Jumlah Agihan
RM34,376.04

Penerima Manfaat
4,415



BAJU RAYA

Jumlah Agihan
RM71,651.20

Penerima Manfaat
677



BANTUAN PENDIDIKAN

Jumlah Agihan
RM247,912.99

Penerima Manfaat
880



AGIHAN MAKANAN

Ramadan 2025 menyaksikan musim sejuk yang berpanjangan terus menambah derita rakyat Syria, dan Palestin terutama pelarian yang berdepan krisis makanan berpanjangan akibat kemusnahan infrastruktur dan kemerosotan ekonomi. Bagi membantu kelangsungan hidup mereka, Cinta Syria Malaysia tampil menyalurkan bantuan makanan sepanjang bulan mulia ini.



1

Set Iftar & Sahur

Jumlah Agihan : RM70,068.78

Penerima Manfaat : 8,685

Agihan pek Nasi Ayam Mandy (seekor ayam bagi setiap keluarga), bersama air yoghurt dan buah kurma telah berjaya menceriakan waktu berbuka mereka. Hidangan ini bukan sahaja mengenyangkan, tetapi turut memberi kegembiraan dan rasa dihargai kepada para penerima manfaat.

Sementara itu, agihan makanan sahur seperti roti keju, ma'arouk (roti manis Syria), laban, daging segar dan minyak zaitun telah membolehkan mereka menghidupkan sunnah bersahur. Bantuan ini memberi peluang kepada mereka untuk memulakan hari berpuasa dengan tenaga dan semangat.

2

Kotak Makanan

Jumlah Agihan : RM188,432.65

Penerima Manfaat : 5,785

Barang-barang keperluan seperti beras, bulgur, gula, kacang dal merah, kacang dal hijau, kacang kuda, minyak, ghee, pes tomato, pasta tepung cukup untuk 2 minggu.





3

Set Bahan Basah

Jumlah Agihan : RM27,872.81

Penerima Manfaat : 2,000

Bahan masakan basah seperti ayam segar, daging kisar dan sayur-sayuran mampu memberikan hidangan yang lebih berzat dan seimbang.



4

Iftar Keluarga

Jumlah Agihan : RM15,362.65

Penerima Manfaat : 560

Melalui program Iftar Keluarga, pek Nasi Ayam Mandy, salatoh, air berkarbonat dan buah-buahan bukan sahaja mengisi perut yang lapar, malah memberi kegembiraan serta rasa dihargai kepada keluarga pelarian Syria ketika berbuka puasa.

Hidangan istimewa yang jarang mereka nikmati ini membawa makna besar, terutama apabila dinikmati secara beramai-ramai, menghidupkan suasana Ramadan yang penuh kasih sayang, kebersamaan dan harapan. Suasana iftar ini sedikit sebanyak mengubat rindu pada kampung halaman.

5

Pek Roti

Jumlah Agihan : RM16,302.44

Penerima Manfaat : 10,450

Agihan pek roti juga turut memberikan kegembiraan kepada mereka kerana ini adalah salah satu makanan ruji mereka, yang sering menjadi pilihan utama.

KIT IBADAH

Dalam kem pelarian, mereka bergantung sepenuhnya kepada bantuan, dengan Al-Quran lusuh dan sejadaht koyak menjadi penguat ibadah harian. Masjid dan madrasah yang musnah menjadikan ibadah semakin mencabar. Cinta Syria Malaysia buat julung kalinya telah melancarkan misi Infaq Al-Quran & Kit Ibadah buat mereka yang masih berteduh di kem pelarian.



Ia juga menjadi sumber kekuatan rohani dalam menghadapi kehidupan yang sukar di kem pelarian, kerana dalam ketiadaan harta benda dan kemudahan asas, hubungan dengan Allah menjadi satu-satunya tempat mereka bergantung harap. Kit Ibadah ini membantu mereka terus istiqamah dalam beribadah, menenangkan jiwa yang tertekan dalam menghadapi ketidaktentuan hidup.



1

Al-Quran & Sejadaht

Jumlah Agihan : RM34,376.04

Penerima Manfaat : 4,415

Kit Ibadah terdiri daripada Al-Quran, sejadaht dan tasbih mampu memberi peluang kepada mereka untuk beribadah dengan tenang dan lebih tawaduk.



Bagi anak-anak, ia turut memupuk kecintaan terhadap ibadah sejak kecil dan menghidupkan suasana Ramadan yang penuh keberkatan. Memiliki Al-Quran sendiri memberi mereka rasa tanggungjawab dan semangat untuk belajar membacanya, manakala sejadaht dan tasbih yang baru menjadikan mereka lebih bersemangat untuk solat dan berzikir.



SUMBANGAN HARI RAYA

Sumbangan Hari Raya membantu menceriakan suasana Syawal bagi keluarga kurang berkemampuan. Dalam serba kekurangan, bantuan ini memberi kegembiraan, meringankan beban dan membolehkan mereka merasai kemeriahian Aidilfitri seperti orang lain.

1 Baju Raya

Jumlah Agihan : RM71,651.20

Penerima Manfaat : 677

Busana Raya bukan sekadar sehelai baju baharu, tetapi simbol kegembiraan dan harga diri, terutamanya buat anak-anak pelarian yang saban tahun menyambut Aidilfitri dalam serba kekurangan. Bantuan pakaian raya memberi peluang kepada mereka untuk menyambut Syawal dengan wajah ceria dan semangat yang baharu, walau dalam suasana yang serba sederhana di walau di mana mereka berada.



Bantuan ini juga menjadi jambatan kasih antara rakyat Malaysia dan mereka yang terkesan di tanah pelarian. Melalui keprihatinan yang dizahirkan dalam bentuk pakaian raya, masyarakat kita turut menyampaikan mesej harapan, bahawa mereka tidak dilupakan.



Bagi anak-anak, pakaian raya ini membawa makna yang besar kerana ia menyemarakkan semangat Aidilfitri, memupuk nilai kesyukuran dan mencipta kenangan indah bersama keluarga. Walaupun kecil, sumbangan ini memberi impak besar dalam membentuk jiwa mereka agar terus kuat, tabah dan berasa disayangi.





BANTUAN PENDIDIKAN

Di Cinta Syria Malaysia (CSM), pendidikan kekal sebagai fokus utama kerana kami percaya ia adalah kunci masa depan yang lebih baik. Dalam setiap misi, termasuk Misi Ramadan, elemen pendidikan tetap diutamakan di samping bantuan kemanusiaan.

Sepanjang Ramadan, CSM menyokong pendidikan anak-anak pelarian melalui inisiatif seperti kelas tadarus, pengisian rohani dan iftar bersama di sekolah-sekolah kendalian kami. Program ini bukan sahaja memupuk nilai keislaman, tetapi turut menceriakan suasana Ramadan mereka.



Sekolah KITA II di Afrin, Syria



1

Set Alat Tulis

Jumlah Agihan : RM16,395.49

Penerima Manfaat : 375

Agihan set alat tulis kepada murid-murid memberikan kemudahan untuk mereka mengikuti sesi pembelajaran dengan lebih lancar dan teratur.

2

Bantuan Tunai

Jumlah Agihan : RM4,600.00

Penerima Manfaat : 50

Bantuan wang tunai kepada guru di sekolah diberikan sebagai tanda penghargaan atas jasa mereka dalam mendidik anak-anak pelarian dalam keadaan serba kekurangan.





Sekolah KITA III di Bangi, Malaysia



3 Agihan Kurma

Jumlah Agihan : RM1,956.50

Penerima Manfaat : 455

Mengagihkan pek kurma kepada semua pelajar untuk dikongsi bersama keluarga sebagai tanda keprihatinan dalam menyemarakkan keberkatan Ramadan.

4 Imarah Ramadan

Jumlah Agihan : RM982.10

Penerima Manfaat : 85

Meluangkan masa bersama para pelajar pada bulan Ramadan dengan aktiviti seperti agihan baju raya, sesi tadabbur al-Quran, iftar jamaie dan lain-lain.



5 Khatam Al-Quran

Jumlah Agihan : RM2,667.10

Penerima Manfaat : 90

Meraikan kejayaan para pelajar dalam mengkhataqkan Al-Quran serta menggalakkan kecintaan dan penghayatan Al-Quran dalam kehidupan mereka semasa bulan Ramadan.



6 Kos Operasi Sekolah

Jumlah Agihan : RM182,090.00

Penerima Manfaat : 284

Kos operasi meliputi bil utiliti, bahan bantu belajar dan elauan tenaga pengajar bagi menyokong kelangsungan sesi pembelajaran.



7 Bantuan Umum Sekolah

Jumlah Agihan : RM19,112.50

Penerima Manfaat : 71

Agihan ini adalah bagi menyokong aktiviti pelajar di Sekolah KITA III selain daripada aspek kurikulum.



Ruang KITA di Kem Abu Abdullah, Jordan



8 Kos Operasi Sekolah

Jumlah Agihan : RM25,715.00

Penerima Manfaat : 100

Kos operasi meliputi bil utiliti, bahan bantu belajar dan elauan tenaga pengajar bagi menyokong kelangsungan sesi pembelajaran.



PROJEK KELESTARIAN

Pada hari ini, pembinaan dua blok apartment di bawah Projek MySyria Kampung KITA telah berjaya disempurnakan sepenuhnya, menyediakan 20 unit kediaman baharu bagi menempatkan keluarga pelarian yang sebelum ini berlindung di sebuah sekolah di Tal Abyad. Kesemua 20 keluarga telah berjaya dipindahkan ke kediaman tetap yang lebih selesa dan selamat, sekaligus membuka ruang untuk pelaksanaan projek baik pulih sekolah seperti yang dirancang.

1 MySyria Kampung KITA

Jumlah Agihan : RM35,000.00

Penerima Manfaat : 100



Projek ini bukan sekadar memberi tempat berteduh, tetapi menjadi asas kepada pembinaan masa depan yang lebih stabil dan bermaruah buat komuniti pelarian di Tal Abyad. Justeru, sokongan berterusan daripada pelbagai pihak amat diperlukan bagi memastikan kelangsungan inisiatif kemanusiaan ini.

Namun begitu, fasa selepas pemindahan memerlukan sokongan yang berterusan – termasuk bantuan dari segi kelengkapan asas rumah, makanan, penjagaan kesihatan, pendidikan anak-anak serta program pembangunan komuniti – agar kehidupan mereka di penempatan baharu ini dapat diteruskan secara lestari.





MISI KEMANUSIAAN

Cinta Syria Malaysia (CSM) tidak terkecuali dalam penyaluran bantuan kepada rakyat Syria. Misi ini bertujuan untuk mengagihkan sumbangan berbentuk kotak makanan, set makanan iftar serta al-quran dan kit ibadah kepada rakyat Syria di dua buah negara iaitu Syria & Lubnan.

Seramai sepuluh orang sukarelawan yang menyertai misi kemanusiaan di Syria kali ini yang turut disertai oleh selebriti tempatan iaitu Zizi Kirana dan Nadzmi Adhwa serta pempengaruh media sosial iaitu Farah Lee dan Khairul Hakimin Muhammad. Misi ini diketuai oleh Ketua Pegawai Eksekutif CSM sendiri iaitu Musa Nuwayri bermula 13 Mac hingga 20 Mac 2025.

A

AGIHAN BANTUAN MAKANAN



Tim CSM telah terlibat secara langsung dalam menyediakan set iftar, kotak makanan, set bahan basah, pek roti dan beberapa keperluan lain sebelum diagihkan kepada penerima manfaat di beberapa buah kem di Damsyik dan Aleppo, Syria.

Segala persediaan dilakukan dengan teliti di pejabat dan dapur Rakan Strategik CSM di Syria, termasuk proses membungkus, menyusun dan memastikan setiap pek memenuhi keperluan asas penerima. Usaha ini bukan sahaja melibatkan tenaga fizikal, tetapi juga komitmen tinggi bagi memastikan bantuan sampai tepat pada masanya kepada mereka yang memerlukan.



BEBERAPA KEM YANG TELAH DIKUNJUNGI UNTUK AGIHAN BANTUAN TERMASUKLAH:

1 Muadamiyat Al-Syam, Darayya, Damsyik

Agihan seperti kotak makanan, pek roti, set iftar, set bahan basah dan kit ibadah membantu rakyat Syria memenuhi keperluan asas harian dalam keadaan darurat. Ia bukan sahaja meringankan beban hidup, tetapi juga turut memberi kelegaan.



2 Kem Abu Azzam, A'zaz

Agihan set iftar kepada mereka mampu memberikan kelegaan fizikal selepas seharian berpuasa, di samping menyemai rasa dihargai dan disokong oleh masyarakat antarabangsa dalam menghadapi ujian hidup yang mencabar.



3 Kem Hadadeh, A'zaz

Pemberian kit ibadah kepada mereka mampu membantu mengekalkan rutin keagamaan, memberi ketenangan jiwa, dan memperkuuh semangat serta harapan dalam menghadapi situasi yang mencabar. Ia juga menjadi simbol kasih sayang dan solidariti umat Islam yang merentasi sempadan.





4 Kem Ard Al-Amal, A'zaz

Agihan set sahur kepada mereka yang memerlukan memberikan peluang untuk menjalani ibadah puasa dengan lebih baik, terutama dalam situasi yang serba kekurangan. Bantuan ini dapat memastikan mereka mendapat makanan yang cukup.



5 Kem Aramel, A'zaz

Pemberian kotak makanan kepada mereka mampu meringankan beban harian, memastikan kelangsungan hidup, dan memberikan sedikit kelegaan di tengah kesulitan yang berpanjangan. Bukan sekadar bantuan fizikal, tetapi juga suntikan harapan.



6 Kem Al-Zuhur, A'zaz

Pemberian set bahan basah kepada mereka mampu membantu memenuhi keperluan makanan asas dengan lebih cepat dan mudah, serta memastikan mereka dapat terus bertahan dalam keadaan yang penuh cabaran.



7 Kem Al-Amal, A'zaz

Pemberian set sahur kepada golongan yang memerlukan memberi peluang kepada mereka untuk menjalani ibadah puasa dengan lebih sempurna, walaupun dalam keadaan yang serba kekurangan. Bantuan ini mampu meringankan beban hidup mereka.



**B**

SOROTAN ADVOKASI SYRIA



Mengungkap Sejarah Masjid Umawi di Damsyik

Sebagai sebahagian daripada pengisian rohani Misi Ramadan CSM di Syria, Tim CSM telah menziarahi **Masjid Umawi**, antara masjid tertua dan paling agung dalam sejarah Islam.

Dibina pada abad ke-8 semasa pemerintahan Bani Umayyah, masjid ini kekal sebagai simbol warisan dan keteguhan umat walaupun Syria diuji dengan konflik bertahun-tahun.




Kemuncak lawatan berlaku apabila Tim CSM diberi akses khas ke **Menara Al-Arus**, salah satu daripada tiga menara utama Masjid Umawi yang biasanya terkunci dan tidak dibuka kepada orang awam.

Ia menjadi satu rezeki luar jangka, hasil ukhuwah dan niat yang tulus. Masjid Umawi terus menjadi saksi pertemuan jiwa-jiwa yang mencari Allah di bumi Syam.



Walaupun konflik menjelaskan banyak kawasan sekitar Damsyik, Masjid Umawi tetap dipelihara, dengan kawalan ketat terhadap akses pelawat dan aktiviti.

Di masjid ini, Tim CSM dipertemukan dengan seorang sukarelawan dari Idlib yang menjaga masjid sepanjang Ramadan. Beliau membawa Tim CSM menyusuri ruang masjid sambil berkongsi kisah sejarah dan nilai spiritualnya.





Menelusuri Derita Tersirat di Penjara Sednaya

Selain itu, dalam kesempatan ini di Syria ini juga, Tim CSM turut berpeluang menelusuri kawasan **Penjara Sednaya** "Rumah Penyembelihan Manusia", sebuah penjara yang cukup sinonim dengan kezaliman dan penderitaan tahanan politik di negara ini.

Terletak kira-kira 30 km dari pusat bandar Damsyik, Penjara Sednaya terkenal di peringkat antarabangsa sebagai lokasi tahanan bagi individu yang didakwa menentang rejim, termasuk ulama, aktivis, dan orang awam.



Tim CSM berpeluang memasuki Penjara Sednaya dan melihat sendiri keadaan dalamannya, termasuk sel-sel besi yang sesak serta bilik penyeksaan yang digunakan untuk menyeksa tahanan. Pengalaman ini memberi gambaran jelas tentang kekejaman yang berlaku di dalam penjara tersebut.

Kisah-kisah yang dikongsikan tentang penyeksaan, kehilangan, dan rindu yang tidak berpenghujung menjadikan lawatan ini satu momen refleksi yang amat menyentuh jiwa.

Lawatan ini mengingatkan bahawa misi kemanusiaan bukan hanya tentang bantuan fizikal, tetapi juga tentang menyuarakan penderitaan mereka yang dizalimi. Ia menguatkan nilai empati dan tanggungjawab umat terhadap saudara seakidah.

Penjara Sednaya menjadi simbol kezaliman yang terus berdiri, namun kehadiran Tim CSM memberi harapan bahawa dunia luar tidak akan memalingkan muka. Doa dan solidariti umat Islam diperlukan agar keadilan dan kebebasan terus tercapai.





Jalinan Diplomasi & Ukuwah di Bumi Syam

Kunjungan Hormat ke Konsul Jeneral Malaysia di Syria

Pertemuan Tim CSM bersama Datuk Dr. Samir Alkour diadakan bagi mendapatkan maklumat terkini mengenai situasi politik dan pentadbiran selepas kejatuhan rejim Bashar al-Assad. Perbincangan meliputi arah tuju kerajaan baharu, cabaran peralihan kuasa, serta peluang kerjasama dalam membangunkan semula negara.



Ziarah Mahabbah bersama Mahasiswa Malaysia di Syria

Tim CSM turut meluangkan masa bersama mahasiswa Malaysia di Syria dalam satu sesi santai yang memberi ruang untuk perkongsian pengalaman, pandangan serta sokongan moral kepada mereka yang meneruskan pengajian dalam suasana pasca konflik.



Kunjungan Hormat ke Kedutaan Besar Malaysia di Beirut

Di Lubnan, Tim CSM turut mengadakan pertemuan rasmi bersama pihak Kedutaan Besar Malaysia di Beirut bagi membincangkan isu semasa, peranan diplomatik Malaysia di rantau tersebut, serta peluang kerjasama kemanusiaan yang boleh diteroka bersama.





C PERANCANGAN CSM UNTUK SYRIA BAHARU

1 Menyokong usaha pembinaan semula Syria

CSM menyokong usaha pembinaan semula Syria dari pelbagai aspek, termasuklah pembangunan kemanusiaan seperti pendidikan, sokongan psikososial, dan pemeriksaan komuniti. Pendekatan ini menekankan kepentingan membina semula bukan sahaja infrastruktur fizikal, tetapi juga daya tahan sosial dan masa depan generasi muda Syria.



2 Bersama dengan Gabungan Bina Semula Syria (GBSS)

Gabungan Bina Semula Syria (GBSS) ditubuhkan bagi menyelaras usaha bersama NGO-NGO Malaysia dalam fasa pasca pembebasan. Penubuhan ini mencerminkan kesatuan dan keazaman NGO tempatan untuk menjayakan cita-cita bersama dalam membina semula Syria.



3 Memperluas operasi bantuan kemanusiaan

CSM terus mempergiatkan usaha dalam mengagihkan bantuan kemanusiaan, dengan fokus memperluas liputan ke kawasan-kawasan yang sebelum ini sukar diakses serta memastikan bantuan sampai secara lebih sistematik dan menyeluruh kepada komuniti yang terkesan.





SUARA HATI PENERIMA MANFAAT



"Hidup kami sangat susah. Dah hampir 13 tahun tinggal dalam khemah, dengan 7 anak, cuma 2 yang bersekolah, selebihnya terpaksa bekerja untuk sara keluarga. Saya pula sudah tua dan tak mampu bekerja. Terima kasih atas bantuan ini, semoga Allah membala kebaikan kalian."

Abu Ismail | Kem Aramel, Azaz



"Saya rasa sangat bersyukur dapat lalui Ramadan bersama keluarga tanpa perlu risau soal makan minum. Bantuan dari projek ni betul-betul banyak membantu, especially waktu keadaan kewangan kami agak sempit."

Hasan Al-Khalaq | Bandar Al-Qusayr, Homs



"Hidup tanpa rumah yang sempurna dan tiada bekalan elektrik memang menyukarkan. Nak berehat pun tak selesa, malam pula gelap gelita. Memang mencabar, tapi bantuan yang diberi sedikit sebanyak meringankan beban kami."

Abdul Karim | Bandar Al-Qusayr, Homs



"Saya keluar dari Syria masa umur 11 tahun. Sekarang hidup bersama isteri, tapi tak ada pekerjaan. Kami sedang cuba besarkan anak yang masih bayi, walaupun hidup serba kekurangan. Memang bukan mudah, tapi kami terus kuat demi keluarga."

Zakariya Rahim | Bandar Al-Qusayr, Homs




SOROTAN FOTO





SOROTAN FOTO



TERIMA KASIH

'YOUR HELP, THEIR FUTURE'

Sekalung penghargaan dan terima kasih diucapkan kepada semua penyumbang yang telah memberikan sokongan dalam menjayakan misi ini. Setiap sumbangan, sama ada kecil maupun besar, telah memberi impak yang besar kepada komuniti pelarian yang memerlukan. Kami amat menghargai kepercayaan dan sokongan berterusan anda dalam usaha kemanusiaan ini.

- 01** Sokongan para penyumbang membolehkan bantuan Ramadan disampaikan tepat pada masanya, termasuk keperluan asas dan sokongan pendidikan.
- 02** Sebanyak 85% penerima manfaat melaporkan perubahan positif, membuktikan impak ketara terhadap kesejahteraan mereka melalui maklumbalas yang diterima.
- 03** Secara keseluruhannya, Ramadan Mission ini menunjukkan keupayaan pelaksanaan yang kukuh dan menjadi asas penting untuk pelaksanaan yang lebih berimpak dalam program akan datang.



📞 03 8211 1012 / 011 3313 7539
✉️ pr@cintasyriamalaysia.com
🌐 www.cintasyriamalaysia.com

Disediakan oleh,
Bahagian Perhubungan Penyumbang
Persatuan Cinta Syria Malaysia





"Your Help, Their Future"

PERSATUAN CINTA SYRIA MALAYSIA
(PPM-014-10-11082014)

8-19-2, Jln Medan Pusat Bandar 7A, Seksyen 9,
43650 Bandar Baru Bangi,
Selangor.

